


GARIS PANDUAN PENGGUNAAN LAMPU MATA ARAH & SIREN



BAHAGIAN KEJURUTERAAN
AUTOMOTIF

JABATAN PENGANGKUTAN
JALAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN LAMPU MATA ARAH & SIREN

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PENGENALAN	1
TUJUAN	1
LATAR BELAKANG	2
Kaedah 24, Kenderaan Motor (Pembuatan Dan Penggunaan) Peraturan 1959 Alat-Alat Amaran.	2
Kaedah 9, Akta Pengangkutan Jalan 1959 Keutamaan Mengatasi Lalu Lintas Lain.	3
Garis Panduan Penggunaan Lampu Amaran/Kecemasan Dan Siren	4
Kenderaan Melebihi Ukuran	5
Kenderaan Membawa Muatan Lebih Dan Terkeluar Dari Badan	5
Kenderaan Bergerak Perlahan	6
Kenderaan Bekerja Dibahu Jalan	6
Lain-Lain Kenderaan	7
Syarat-Syarat	7
Pemasangan	7
Penggunaan	8

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN LAMPU MATA ARAH & SIREN

1. PENGENALAN

Lampu mata arah (beacon light) merupakan satu lampu penanda amaran pelbagai warna dan dikategorikan sebagai komponen aksesori yang dipasang di atas bumbung atau bahagian atas sesebuah kenderaan.



Jenis Panjang (*Light Bar*)



Jenis Bulat (Kecil)

Contoh gambar Lampu Mata Arah

2. TUJUAN

Memaklumkan peraturan penggunaan lampu amaran/kecemasan dan siren pada kenderaan bermotor. Penggunaan lampu ini adalah untuk memberitahu pengguna-pengguna jalan raya yang lain bahawa mereka perlu memperlahangkan kenderaan, berhati-hati dan berwaspada semasa berada di kawasan tersebut.

3. LATAR BELAKANG

Pada masa ini terdapat dua peruntukan perundangan yang berkaitan dengan penggunaan siren pada kenderaan bermotor seperti berikut:-

➤ Seksyen (12) Akta Pengangkutan Jalan 1987

Telah menetapkan keperluan undang-undang mengenai sebarang pengubahsuaian kepada kenderaan sebelum dan selepas pendaftarannya iaitu **Pemeriksaan Kenderaan Motor Dan Pemberian Maklumat Kepada Ketua Pengarah**

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN LAMPU MATA ARAH & SIREN

➤ **Kaedah 24, Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pembuatan dan Penggunaan) Peraturan 1959 Alat-Alat Amaran.**

Setiap kenderaan bermotor hendaklah dipasang dengan alat yang mampu untuk memberikan amaran yang boleh didengar dan mencukupi tentang arah tujuanya dan kedudukannya. Dengan syarat bahawa alat-alat itu tidak boleh terdiri daripada ;

Siren, digunakan semata-mata sebagai kereta bomba, kastam atau bagi kegunaan-polis.

➤ **Kaedah 9, Kaedah-kaedah Lalu Lintas Jalan 1959; Keutamaan Mengatasi Lalu Lintas Lain.**

- i. Apa- apa ambulans, kereta bomba , kenderaan kastam, kenderaan polis, kenderaan penjara atau kenderaan Jabatan Pengangkutan Jalan hendaklah apabila dalam tugas kecemasan ada hak untuk lalu mengatasi lalu lintas lain jika ia memberitahu akan kehadirannya dengan cara membunyikan siren tertentu, loceng atau hon dua nada.
- ii. Semua lalulintas hendaklah apabila diberi amaran sebagaimana yang telah dinyatakan tentang kehadiran apa-apa ambulans, kereta bomba, kenderaan polis, kenderaan penjara, kenderaan Jabatan Pengangkutan Jalan bergerak sehampir yang boleh disebelah kiri jalan dan semua kenderaan kemudiannya hendaklah berhenti bagi membenarkan laluan yang lapang bagi ambulans, kereta bomba, kenderaan polis, kenderaan penjara atau kenderaan Jabatan Pengangkutan Jalan.

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN LAMPU MATA ARAH & SIREN

4. Kategori Kenderaan

- i. Berdasarkan peraturan sedia ada penggunaan lampu mata arah dan siren **ADALAH DIBENARKAN** untuk kategori kenderaan bermotor seperti di bawah:-

Kategori Kenderaan	Jenis Lampu	Warna
Beacon Light Bagi Kenderaan POLIS , JPJ, Penjara Dan Kastam	Beacon/Light Bar	Biru
 KENDERAAN POLIS		
Beacon Light Bagi Kenderaan POLIS , JPJ, Penjara Dan Kastam	Beacon/Light Bar	Biru
 KENDERAAN JPJ		
Beacon Light Bagi Kenderaan Bomba	Beacon/Light Bar	Merah & Biru
 KENDERAAN BOMBA		

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN LAMPU MATA ARAH & SIREN

Kategori Kenderaan	Jenis Lampu	Warna
 <p style="text-align: center;">KENDERAAN AMBULANS</p>	Beacon/Light Bar	Merah

- ii. Kategori Kenderaan yang telah dinyatakan dalam kaedah boleh dipertimbangkan untuk pemasangan lampu mata arah bewarna amber sahaja seperti berikut :-

- **Kenderaan Melebihi Ukuran**
 - a. Treler melebihi 16m panjang dan lebar melebihi 2.5m.
 - b. kenderaan rigid melebihi panjang 12.2m dan lebar 2.5m.



Contoh Kenderaan Treler

- **Kenderaan Membawa Muatan Lebih Dan Terkeluar Dari Badan.**
Lori Kargo, treler dan low loader membawa muatan lebih terkeluar dari badan.

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN LAMPU MATA ARAH & SIREN



Contoh Kenderaan Low Loader

- **Kenderaan Bergerak Perlahan**

Jentera bergerak 'shovel', 'backhoe', 'grader', 'scraper', 'agriculture tractor', 'road roller', 'paver', 'roadsweeper' dan lain-lain kenderaan bergerak perlahan diatas jalanraya.



Contoh kenderaan 'backhoe'

- **Kenderaan Bekerja Dibahu Jalan**

Jentera bergerak 'sky lift', kenderaan tunda, 'emergency attending vehicle', 'road sweeper', 'garbage truck', 'watering tanker', 'road roller', 'paver', 'digger' dan lain-lain kenderaan yang bekerja di bahu jalan.

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN LAMPU MATA ARAH & SIREN



Contoh Kenderaan 'Road Roller'

- **Lain-Lain Kenderaan**

Konvoi kereta (pilot car), kenderaan membawa barang-barang merbahaya, kenderaan yang diluluskan pemasangan lampu 'beacon' melalui pelan dan kenderaan yang diluluskan pemasangan lampu 'beacon' oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia.



Contoh Kenderaan Yang Diluluskan Menggunakan Beacon Light Seperti Van Jenazah.

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN LAMPU MATA ARAH & SIREN

5. Syarat-Syarat

Permohonan pemasangan lampu mata arah hendaklah mematuhi syarat-syarat yang berikut;

- i. Kenderaan berkenaan telah didaftarkan sebagai kenderaan kegunaan syarikat.
- ii. Hanya pemilik atau setiausaha syarikat sahaja yang berhak membuat permohonan ini.
- iii. Kenderaan kegunaan persendirian **tidak dibenarkan** memasang dan menggunakan alat tersebut.

6. Pemasangan

- i. Lampu mata arah jenis panjang (*light bar*) hendaklah dipasang di atas bumbung secara kekal tanpa membahayakan keselamatan pengguna jalan raya yang lain.
- ii. Lampu mata arah jenis bulat (*beacon light*) pula boleh dipasang di atas bumbung atau bahagian atas kenderaan samada secara kekal atau bermagnetl
- iii. Penggunaan bunyi siren adalah dilarang sama sekali kecuali bagi Agensi Kerajaan yang dibenarkan oleh undang-undang.

7. Penggunaan

Sesebuah kenderaan yang telah diberi kebenaran untuk memasang dan menggunakan lampu mata arah boleh menggunakan semasa menjalankan tugas-tugas rasmi sahaja. Alat ini tidak boleh digunakan dengan sewenangnya kerana ini akan mengganggu aliran lalu lintas.

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN LAMPU MATA ARAH & SIREN

8. Permohonan

Permohonan Pemasangan Lampu Mata Arah boleh dibuat melalui atas talian atau dengan menghantar surat permohonan rasmi ke Bahagian Kejuruteraan Automotif Ibu Pejabat / Negeri Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia dan surat tersebut hendaklah mengandungi perkara yang berikut :-

a) Permohonan Baharu :-

- i. Surat Rasmi daripada pemilik/Syarikat
 - Tujuan Pemasangan
 - Jenis Alat Yang Digunakan
 - Email / No. Telefon Pejabat & Bimbit
- ii. Salinan Sijil Pendaftaran Kenderaan (SSM)
- iii. Salinan Sijil Pemilikan Kenderaan (VOC) dan Senarai Kenderaan

b) Permohonan Pembaharuan :-

- i. Surat Rasmi daripada pemilik/Syarikat
 - Tujuan Pemasangan
 - Jenis Alat Yang Digunakan
 - Email / No. Telefon Pejabat & Bimbit
- ii. Salinan Kelulusan JPJ Terdahulu

9. Tempoh Penggunaan

Tempoh kelulusan penggunaan lampu mata arah yang dibenarkan adalah **2 TAHUN** sahaja dan perlu diperbaharui.

10. Pembaharuan

Pemohonan pembaharuan hendaklah dilakukan sebelum tamat tempoh dengan menghantar surat pemohonan ke Bahagian Kejuruteraan Automotif Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia.